

Sidang Kemuncak KL 2019

SIDANG Kemuncak Kuala Lumpur (KL) 2019 atau *KL Summit 2019*, yang berlangsung selama empat hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, telah melabuhkan tirainya pada 21 Disember 2019. Pada malamnya, sebuah majlis makan malam dianjurkan untuk menghargai 1000 orang staf yang menjayakan sidang tersebut dan dihadiri oleh pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang juga Perdana Menteri Malaysia. Di samping mengucapkan terima kasih kepada mereka, beliau turut menerima pandangan yang positif daripada media dan para delegasi yang hadir sepanjang menjayakan sidang tersebut.



KUALA
LUMPUR
SUMMIT



Dewan Masyarakat Bil. 2 2020



KUALA
LUMPUR
SUMMIT



Kerangka Sidang Kemuncak KL 2019 diselaraskan semasa pertemuan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan dan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan. Mereka berbincang dalam sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang berlangsung beberapa bulan sebelumnya Sidang Kemuncak KL 2019 menjadi kenyataan. Sidang tersebut merupakan antara inisiatif negara Islam untuk berfungsi sebagai medan bagi berkongsi idea dan mencari penyelesaian yang berkesan ke arah pembangunan umat Islam sejagat.

Sidang tersebut turut dilihat sebagai pentas untuk menyelaras kebangkitan Islam tanpa terlalu bergantung pada dunia Arab khususnya Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC). OIC yang ditubuhkan pada 25 September 1969 dan berpusat di Jeddah, serta mewakili 57 buah negara Islam, kini dilihat kurang memainkan peranannya dengan berkesan berikutan dibelenggu kemelut perang saudara, serta pergolakan dan ancaman keganasan di Asia Barat. Persefahaman juga dicapai pada ketika itu untuk menubuhkan sesen televisyen antarabangsa bagi menyaingi media antarabangsa dalam usaha menangkis Islamofobia dan keganasan yang dikaitkan dengan Islam.

Bertemakan Peranan Pembangunan Alam Mencapai Kedaulatan Nasional, sidang ini menyaksikan tiga orang pemimpin negara dunia yang turut hadir, iaitu Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani, Presiden Erdogan dari Turki, dan Presiden Hassan Rouhani dari Iran. Sekitar 450 orang delegasi dari 56 buah negara juga turut mengambil bahagian pada sidang yang bersejarah ini. Yang jelas, Presiden Indonesia dan Perdana Menteri Pakistan yang pada awalnya berjanji untuk hadir, pada akhirnya membuat keputusan untuk tidak menghadiri Sidang Kemuncak KL 2019.



Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

Sewaktu perasmian Sidang Kemuncak KL 2019, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah bertitah dengan mengajak ratusan para hadirin untuk bersama-sama mengamalkan apa-apa yang didirikan lima kali sehari dalam persona alami mereka. Majoriti hadirin terdiri daripada para pemikir, ulama dan profesional dari kebanyakan negara Islam. Sementara itu, sebahagian kecil hadirin Muslim yang hadir, datang dari negara bukan Islam. Baginda juga bertitah supaya umat Islam memperbaiki kehidupan serta membangunkan semula tamadun Islam ke tahap yang cemerlang. Walaupun pada hari ini negara Islam secara kolektif telah mencapai banyak kemajuan, kita masih berhadapan dengan cabaran terbesar dunia yang membangun. Baginda sebagai ketua agama Islam di Malaysia, bertitah bahawa konsep *biwar* (dialog) sangat penting dalam usaha pembangunan berteraskan prinsip Islam. *Hiwar* perlu digalakkan untuk membetulkan silap faham tentang Islam, serta cara untuk memahami sesama kita, untuk bekerjasama dan melakukan libat urus ke arah kecemerlangan. Prinsip al-Quran dalam dialog adalah untuk menjayakan *al-khaira*, iaitu kebaikan bersama-sama untuk seluruh insan sejagat.



Tun Dr. Mahathir Mohamad


Semasa ucap-tama pada hari perasmian yang disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir, beliau mengingatkan bahawa Islamofobia menjadi satu trend pada masa kini dan semuanya disebabkan oleh sesetengah penganut Islam sendiri yang mendakwa melakukan jihad, tetapi keputusannya lebih ke arah penindasan terhadap umat Islam di serata dunia. Umat Islam diusir dari negaranya dan permohonan mereka untuk mendapatkan perlindungan ditolak. Mereka ditindas. Umat Islam sendiri yang menimbulkan ketakutan sehingga wujud Islamofobia. Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa adalah mudah untuk mendakwa Islamofobia itu dilakukan oleh sesetengah mazhab, tetapi bagi pihak musuh, semua penganut Islam adalah sama.



Recep Tayyip Erdogan

Pada hari pertama sidang kemuncak itu, Presiden Turki, Erdogan berkata bahawa sidang tersebut memberikan peluang terbuka untuk membahaskan pelbagai isu yang melibatkan ummah, daripada Islamofobia kepada keganasan, perpecahan, pergaduhan dalaman yang membinasakan wilayah Islam, dan konflik antara mazhab serta etnik. Ummah dikatakan masih belum ada sebarang kemajuan dalam perjuangan Palestin, tidak dapat menghentikan eksploitasi sumber, dan kita masih tidak boleh berkata “tidak” kepada perpecahan dunia Islam akibat sektarianisme.

Ketika Erdogan berucap pada hari kedua sidang itu, beliau mengakui bahawa negara Islam masih gagal mencapai potensi yang sebenar, malah kek ekonomi ummah pada persada global juga tidak mencecah 10 peratus. Jurang pendapatan antara negara Islam terkaya dan termiskin di dunia melebihi 200 kali ganda, meskipun negara Islam menguasai 59 peratus sumber minyak dan 58 peratus sumber gas asli global. Dalam aspek pendidikan, tambah beliau, walaupun tahap celik huruf global ialah 82.5 peratus namun dalam kalangan negara Islam kadarnya hanya 70 peratus. Pada masa yang sama, umat Islam sejagat juga dikatakan bertanggungjawab terhadap 94 peratus daripada konflik yang berlaku di dunia pada hari ini.



Hassan Rouhani

Presiden Iran, Hassan Rouhani pula mencadangkan bahawa dengan adanya teknologi blok rantai (*blockchain*) akan membolehkan ummah memperkenalkan mata wang kripto (*cryptocurrency*) yang sama dalam kalangan negara Islam. Beliau berkata bahawa Tun Dr. Mahathir pernah cuba memperkenalkan dinar Islam suatu ketika dulu. Dengan adanya mata wang kripto diyakini akan dapat mengatasi turun naik pasaran serta birokrasi dan membolehkan dunia Islam membebaskan diri daripada terlalu bergantung kepada dolar.



Syeikh Tamim Hamad Al Thani

Pada sesi pembukaan yang sama, Syeikh Tamim Hamad Al Thani berkata bahawa keadaan di Palestin menjadikan negara itu tidak stabil. Penguasaan daerah Palestin oleh Israel adalah bertentangan dengan undang-undang antarabangsa. Wujud polisi yang menghapuskan sifat kearaban sesebuah kota dan ini merupakan provokasi kepada perasaan umat Arab dan Islam di seluruh dunia. Palestin terus menjadi isu kolonialisme kependudukan yang tidak dapat diselesaikan.

Dr. Maszlee Malik

Pada 20 Disember 2019, Menteri Pendidikan Malaysia (pada ketika itu), Dr. Maszlee Malik menyampaikan ucapan bertajuk “Mengapa Pendidikan



Menjadi Kunci Pembangunan Negara?”. Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa setiap lapisan sistem pendidikan pada masa kini bukan hanya berfungsi untuk mengajar, sebaliknya menjadi platform meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan penuntut. Hal ini termasuklah menjadikan para pelajar lebih bersedia mendepani cabaran global. Menurutnya, negara Islam sepatutnya melahirkan ramai insan seperti aktivis remaja, Greta Thunberg, yang mampu berfikir secara kritis dan membahaskan isu global seperti perubahan iklim. Oleh itu, sekolah dan institusi pendidikan tinggi perlu melahirkan insan yang mampu berfikir, mencipta penemuan saintifik, mencari lebih banyak penyelesaian, bersedia untuk berubah, dan kekal waras dalam perubahan yang berlaku.

“Akan tetapi kita perlu melihat dan mengkaji semula cara kita mengajar untuk melihat dunia. Hal ini bukan sahaja memikirkan cara untuk ke syurga, tetapi juga menjadikan dunia ini ibarat syurga kepada semua,” ujar Maszlee.

Melihat cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dalam alam pendidikan tinggi pada hari ini, beliau percaya bahawa pendidikan seharusnya kembali kepada konsep asas tajdid (pembaharuan) dan islah (reformasi).

Beliau turut menggariskan lima tonggak yang perlu dibangunkan oleh dunia Islam, iaitu meningkatkan etika pendidikan, mentransformasikan sistem pendidikan, memperbaharui metodologi penyelidikan, memperbaharui prasarana institusi dan

mentransformasikan cara pengendalian para ilmuwan serta pendidik.

Wujud keperluan kini untuk pendidikan berorientasikan pentajdidan (*renewal-oriented*). Tiada tamadun dapat memberikan impak jika hal tersebut tidak dapat menghasilkan kebolehan untuk berubah selari dengan zaman. Di Malaysia, paduan ilmu Islam dan dunia dipimpin oleh Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin. Etika Pendidikan 4.0 yang melibatkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) juga menekankan agar manusia membangun untuk tujuan yang adil.

“Melalui kerjasama dan kolaborasi rangka kerja antara negara, Malaysia berharap agar dapat menjadi penyumbang utama dalam bidang keilmuan dan inovasi kepada komuniti global terutamanya dalam kalangan negara Islam,” katanya.

Menerusi pembaharuan sistem pendidikan, agenda dunia Islam pada dasawarsa mendatang akan mempunyai sifat yang sering dilaungkan oleh Maszlee, iaitu kasih sayang, kebahagiaan dan sikap saling menghormati.

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitahkan supaya negara Islam meningkatkan kemajuan bagi membantu umat yang dipinggirkan dan diusir dari tanah air mereka. Titah baginda, penganjuran Sidang Kemuncak KL 2019 dilihat dapat menjadi penghubung antara negara Islam di seluruh dunia, sekali gus sebagai penggerak kepada penyelesaian yang dihadapi oleh umat Islam. Baginda percaya banyak perubahan positif akan dapat dicapai jika krisis yang mendepani umat Islam dijadikan asas kepada siri sidang kemuncak akan datang.

Baginda turut memberikan fokus kepada keluarga mahupun individu yang telah meninggalkan negara



mereka ekoran tekanan dan ketakutan dalam hidup, sama ada di Palestin, Syria, Afghanistan, Iran atau dari negara yang telah hancur akibat peperangan dan penganiayaan. Pada ketika ini, realiti yang harus diterima adalah apa-apa yang dilakukan oleh negara Islam masih tidak mencukupi.

Belia

Antara resolusi Sidang Kemuncak KL 2019 (Belia) bagi pendidikan dengan tema “Ke Arah Kesejahteraan Pemuda 2030” mencadangkan supaya idea orang muda diguna pakai bagi merangka dasar pendidikan negara. Sidang kemuncak belia menyenaraikan enam kluster untuk diberikan tumpuan, iaitu pendidikan, ekonomi, politik, keusahawanan, IR 4.0 dan tadbir urus yang baik.

Dialog Perdana

Sidang Kemuncak KL 2019 akan dijenamakan semula dan dikenali sebagai Dialog Perdana yang bermula pada tahun 2020. Menurut Timbalan Pengerusi persidangan, Tun (Dr.) Ahmad Sarji Abdul Hamid, ketika membaca kenyataan Tun Dr. Mahathir pada majlis penutup sidang tersebut bahawa penganjur beriltizam untuk melaksanakan penyelesaian pragmatik yang disokong dalam persidangan dengan tujuan untuk memulihkan tamadun Islam yang dihormati. Katanya, persidangan itu turut memberikan tumpuan kepada tujuh teras utama, iaitu

pembangunan dan kedaulatan negara; integriti dan tadbir urus yang baik; kebudayaan dan identiti; keadilan dan kebebasan; keamanan, keselamatan dan pertahanan; perdagangan dan pelaburan; serta teknologi dan tadbir urus internet.

Pembangking

Timbalan Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Datuk Seri Mohamad Hasan dalam satu catatan di akaun Facebooknya berpandangan bahawa Sidang Kemuncak KL 2019 merupakan satu pertemuan yang sangat penting ketika dunia Islam pada hari ini berpecah, kehilangan kepimpinan dan menghadapi keberagaman cabaran politik, ekonomi dan sosial. Persidangan yang mempertemukan pemimpin, pemikir, birokrat dan ahli perniagaan dari seluruh dunia mestilah disokong oleh semua pihak, tegasnya lagi.

Presiden Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan mantan Timbalan Presiden Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, Dato' Seri Abdul Hadi Awang berkata bahawa penganjuran sidang kemuncak ini yang diadakan di Asia Tenggara jelas membuktikan bahawa rantau ini lebih aman. Bagi beliau, hal tersebut sebagai satu langkah yang proaktif untuk memperkasakan kerjasama dalam kalangan negara umat Islam ketika Organisasi Kerjasama Islam (OIC) tidak berupaya menangani banyak masalah antarabangsa khususnya di Asia Barat.

Mangkir

Beberapa media antarabangsa melaporkan Arab Saudi kurang senang dengan penganjuran Sidang Kemuncak KL 2019, sehingga Raja Salman Abdulaziz Al-Saud mengambil keputusan untuk mangkir daripada sidang yang penting itu.

Arab Saudi juga bertegas bahawa sebarang perbincangan mengenai isu

negara Islam sebenarnya harus berlaku di pentas OIC sahaja. Setiausaha pertubuhan ini menegaskan bahawa pertemuan seperti Sidang Kemuncak KL 2019 akan hanya memecahbelahkan umat Islam.

Selain Raja Salman, Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan turut membatalkan kehadirannya pada saat-saat akhir. Hal ini didakwa ekoran tekanan yang dikenakan oleh Arab Saudi terhadap negara itu. Dengan sikap untuk dilihat tidak berpihak kepada sesiapa, Imran Khan memilih menjauhkan diri daripada Sidang Kemuncak KL 2019.

“Pakistan mahu menjadi sebahagian daripada penyelesaian, bukan sebahagian daripada masalah ini,” kata Menteri Penerangan Pakistan, Firdous Ashiq Awan, kepada pemberita di Islamabad.

Negara jiran, Indonesia dengan penduduk Islam yang paling ramai di dunia juga tidak kelihatan menyertai mana-mana sesi khas, sidang meja bulat atau sidang pleno. Indonesia diwakili Menteri Luarnya, Retno Marsudi, pada majlis perasmian. Namun begitu, ketiadaan Naib Presiden Indonesia, Profesor Dr. Ma'ruf Amin untuk berucap pada hari kedua menjadi tanda tanya. Beliau juga sepatutnya hadir pada sesi meja bulat pertama bersama-sama Tun Dr. Mahathir, Erdogan dan Rouhani.

Kritikan

Dengan ketidakhadiran dua orang pemimpin penting, Presiden Joko Widodo dan Perdana Menteri Imran Khan, maka para pengkritik pun terus berapi-api dengan dakwaan bahawa sidang ini telah gagal dan penganjurannya membazirkan duit rakyat. Tambah para pengkritik, Tun Dr. Mahathir kononnya sudah tidak lagi popular seperti dahulu meskipun beliau mahu menonjolkan dirinya sebagai pejuang Islam pada persada dunia politik.

Ada juga yang mengatakan bahawa sidang ini mengulangi kesilapan OIC

yang hanya mampu membangkitkan masalah lama. Isu penindasan umat Islam seperti kekejaman terhadap Uyghur di China, kesengsaraan etnik Rohingya di Myanmar dan Cox's Bazar di Bangladesh, dilema umat Islam di Kashmir, dan mangsa konflik di Syria serta Yaman yang tidak mendapat perhatian dan pembelaan.

Positif

Para penyokong sidang ini menekankan aspek positif serta pencapaiannya selama empat hari. Sidang Kemuncak KL 2019 merupakan pentas dialog yang membawa impak kepada kepentingan dunia Islam. Dalam masa yang singkat, pertukaran 18 instrumen dalam bidang teknologi tinggi yang maju, kerjasama media, pusat kecemerlangan, keselamatan makanan serta program kepimpinan dan pertukaran belia telah dilaksanakan. Hal ini telah diumumkan oleh Tun Dr. Mahathir pada majlis penutupan Sidang Kemuncak KL 2019.

Soalan dan Rumusan

Sidang Kemuncak KL 2019 merupakan usaha kesatuan dalam kalangan ummah yang satu ini, iaitu umat Islam, oleh orang Ajam dan orang Arab. Kedua-dua istilah Ajam dan Arab merupakan istilah tradisional dalam sejarah Islam yang merujuk umat yang Ajam (bukan Arab) dan umat yang Arab.

Pada kali ini, bahagian ummah yang memimpin sebuah sidang kemuncak antarabangsa Islam datang dari sebuah negara kecil yang bernama Malaysia. Walaupun negara kecil ini tidak sekaya negara minyak di dunia Arab, negara ini mempunyai jiwa yang besar. Dialog ini merupakan hadiah kepada ummah dari Malaysia, iaitu negara rahmah umat Islam yang berbilang kaum dan kepercayaan. Kemajuannya merupakan hasil usaha semua rakyatnya yang berbilang agama itu yang hidup dalam kedamaian yang dikecap bersama-sama.

Pada masa akan datang, melalui sidang ini akan membuktikan sejauh manakah negara Ajam yang jauh lebih besar seperti Indonesia dan Pakistan mahu terlibat dalam Dialog Perdana 2020? Apabila hal ini berlaku, kedua-dua buah negara ini akan mengukuhkan lagi usaha murni ini. Selain Uzbekistan, bolehkah negara Asia Tengah yang lain bersama-sama memainkan peranan yang penting?

Kita akan lihat sejauh manakah negara Arab yang lain mahu menyokong Dialog Perdana? Apabila kejayaan Dialog Perdana mula mekar, dan menghasilkan satu peta rancang (*roadmap*) yang semakin jelas, sudah tentu para pemimpin negara yang pada mulanya menyematkan kesangsian pada diri mereka akan mula berfikir dua kali.

Yang jelas bahawa usaha ini bukanlah untuk menandingi OIC. Hal ini telah pun ditekankan berkali-kali. Usaha ini merupakan usaha untuk antara lainnya untuk memperbaiki ukhawah dalam bahagian ummah yang retak dan yang terbelah. Dunia sedang memerhatikan bolehkah negara kecil dan berjiwa besar seperti Malaysia dapat memainkan peranan sejagat bersama-sama Turki dan Qatar, sebelum negara Islam yang lain memberikan sokongan yang padu?

Kita akan juga menyaksikan bagaimana negara hegemoni Barat-Amerika bertindak untuk mengendalikannya ancaman baharu dari Timur? Ancaman bagi Barat dan Amerika hanyalah satu – usaha kesatuan dan perdamaian dalam dunia Islam. Walhal, keamanan dunia Islam juga merupakan keamanan dunia.

Sehubungan dengan itu, muncul satu soalan. Satu hari nanti, apabila Tun Dr. Mahathir sudah tiada lagi di pentas politik antarabangsa, adakah pewaris kepemimpinan beliau bermotivasi untuk melangsungkan Dialog Perdana dengan jayanya? □